

VIODIN 10% W/V TOPICAL SOLUTION

Povidone-Iodine USP (10% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Viodin Solution*
2. Bagaimana *Viodin Solution* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Viodin Solution*
4. Cara menggunakan *Viodin Solution*
5. Semasa menggunakan *Viodin Solution*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Viodin Solution*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Viodin Solution*

- Luka dan lebam
- Luka dan kulit terbakar
- Bakteria dan jangkitan kulit mikosis (kulat) contohnya pada pangkal paha dan kaki
- Herpes simplex, Herpes genitalis
- Pembasmian kuman pada luka perineum dan kulit
- Pembasmian kuman sebelum dan selepas pembedahan dan persediaan kulit

Bagaimana *Viodin Solution* berfungsi

Viodin Solution adalah antiseptik yang mempunyai spectrum yang luas, ia mengandungi sejenis ubat yang dipanggil *Povidone-Iodine* yang cepat membunuh semua jenis mikroorganisma patogen dan berpotensi patogenik termasuk *protozoa*, spora dan virus, kulat atau yis, bakteria gram positif dan gram negative. Ia tidak merengsa kepada kulit dan mukosa. Ia tidak mengotorkan kain dan berkesan walaupun ada darah, nanah atau tisu yang mati (*necrotic*).

Sebelum mengambil *Viodin Solution*

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan *Viodin Solution* jika:

- Anda mempunyai alahan (hypersensitif) kepada *Povidone-Iodine* atau mana-mana bahan lain dari *Viodin Solution*
- Anda dalam rawatan litium atau penyakit kelenjar tiroid
- Pesakit adalah anak yang baru lahir

- Pesakit adalah bayi dengan berat lahir yang sangat rendah

- Sebelum mula mengambil

Anda mesti memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- Anda mempunyai alahan terhadap iodine
- Anda mempunyai kekurangan buah pinggang yang sedia ada
- Anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan anak

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda tahu anda atau berfikir bahawa anda mungkin mengandung, atau sedang menyusu bayi, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan *Viodin Solution* atau mana-mana ubat lain.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Selalu beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan *Viodin Solution*

Sentiasa menggunakan ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor. Anda perlu rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

Viodin Solution adalah untuk kegunaan luar sahaja. Elakkan sentuhan dengan mata.

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada kulit yang cedera, melecur, luka, lebam atau bahagian yang dijangkiti oleh bakteria atau kulat tanpa dicair air. Sapukan beberapa kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Menggunakan *Viodin Solution* yang berlebihan boleh menyebabkan kepekatan iodine yang tinggi dalam darah dan kesan pencernaan gastrousus (seperti muntah, cirit-birit dan sakit perut).

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau sesiapa lagi terambil dos berlebihan ubat ini.

Semasa menggunakan *Viodin Solution*

- Perkara yang perlu dilakukan

Elakkan penggunaan pada kawasan kulit koyak yang luas kerana penyerapan iodine yang berlebihan mungkin berlaku. Penyerapan iodine boleh mengganggu ujian-ujian fungsi tiroid.

Hentikan rawatan jika mengalami kerengsaan tempatan.

Hubungi doktor anda jika simptom anda melarat atau tidak menampakkan kemajuan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi larutan *Viodin Solution* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom-simptom yang sama dengan keadaan anda. Doktor anda telah mempreskrib *Viodin Solution* untuk anda sahaja.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika tiada perubahan dalam keadaan anda, anda perlu hubungi doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Viodin Solution* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan sampingan berikut mungkin terjadi dengan ubat ini:

- Kerengsaan tempatan
- Pembakaran kulit
- Sensitiviti kulit
- Reaksi alergi yang teruk (seperti ruam gatal, bengkak tekak atau lidah, sesak nafas, muntah, pening dan tekanan darah rendah)
- Goiter
- Gangguan tiroid (simptom termasuklah penurunan berat badan, peningkatan selera makan dan berpeluh, atau kekurangan tenaga dan berat badan)
- Kepekatan asid yang tinggi dalam badan
- Kegagalan buah pinggang akut

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan
Viodin Solution

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Melindungi dari cahaya dan kelembapan. Jauhkan daripada jangkauan kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair coklat mendalam yang mempunyai bau tipikal, diisi dan dimeteraikan dalam bekas plastic.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Povidone-Iodine USP

- Bahan tidak aktif

Anhydrous citric acid, anhydrous disodium hydrogen phosphate, sodium hydroxide, glycerol, nonoxynol-9, purified water

- Nombor MAL

MAL19126030XZ

Pengilang

SQUARE PHARMACEUTICALS PLC

Square Road, Salgaria,

Pabna. 6600, BANGLADESH

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd

B-1-07, Jalan SS 25/22,

Taman Mayang,

47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

27/02/2024

Nombor Siri

NPRA(R2/2)240227/1211